

08 JUL 1999

Sanusi-Rakyat

URUSAN RAKYAT AGENDA UTAMA KERAJAAN KEDAH

LANGKAWI, 8 Julai (Bernama) -- Usaha menyelesaikan masalah rakyat terutama soal tanah menjadi agenda utama kerajaan Kedah pada masa ini, kata Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid.

Beliau berkata sikap kerajaan tidak sama dengan parti pembangkang yang banyak menumpukan usaha kepada kegiatan politik sehingga terpaksa mereka-reka cerita yang tidak benar.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas majlis ramah mesra dengan penduduk Kampung Syed Nahar malam tadi, beliau berkata kerajaan berpendapat masalah rakyat perlu diselesaikan terlebih dahulu daripada memikirkan untuk membalas "serangan" pembangkang yang banyak mengadakan ceramah di seluruh negeri.

"Mereka bukan parti memerintah, jadi tak banyak kerja yang boleh dibuat untuk menyelesaikan urusan rakyat berbanding kerajaan", katanya ketika diminta mengulas tindakan PAS yang banyak mengadakan ceramah di sini.

Sanusi berkata beliau dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hampir setiap bulan datang ke Langkawi untuk menyelesaikan masalah rakyat tetapi mereka yang datang sekali-sekala cuma tahu memaki hamun kerajaan.

Katanya usaha kerajaan yang bersungguh-sungguh itu juga telah dapat menyelesaikan kira-kira 7,000 permohonan tanah di bahagian tanah besar.

Begitu juga dengan masalah tanah di Langkawi yang dijangka dapat diselesaikan dalam masa sebulan dua apabila geran hak milik dapat dikeluarkan, katanya.

Beliau berharap orang ramai tidak akan mudah terpengaruh dengan cerita tidak benar yang disebarkan.

-- BERNAMA

NH NMO